



16 AUG, 2020

## Jual 1,000 pek rendang maman

Kosmo Ahad, Malaysia

Page 1 of 2

# Jual 1,000 pek rendang maman

**TAMPIN** – Sepasang suami isteri yang menjalankan perniagaan Rendang Maman Acu tidak menyangka jualan produk makanan yang diusahakan sejak 2015 meningkat kepada 1,000 pek sebulan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac lalu.

Zul Samsudin, 54, memberitahu, dia dan isterinya Rosnah Abdullah, 52, yang menjalankan perniagaan itu secara online turut terkejut apabila menerima tempahan daripada seluruh negara termasuk Singapura dan Brunei.

Katanya, rendang maman seberat 250 gram dijual pada harga RM25 setiap satu.

"Kebiasaannya sebelum ini, rendang maman mendapat permintaan tinggi semasa musim perayaan, kami tidak menang tangan untuk memenuhi permintaan pelanggan dan ada kalanya saya perlu masak sehingga 40 kilogram.

"Pelaksanaan PKP membuka ruang rezeki buat kami apabila tempahan melonjak naik sekali ganda dan secara tidak langsung membantu perniagaan peniaga maman, santan dan daging di sekitar Gemencheh," katanya ketika ditemui di Bengkel Rendang Maman Acu Kampung Geduk,



ZUL dan Acu menunjukkan rendang Maman Acu yang terjual sebanyak 1,000 pek semasa tempoh PKP lalu.

dekat sini, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Rosnah yang lebih dikenali sebagai Acu memberitahu, mereka mula mengusahakan perniagaan itu semasa harganya komoditi getah rendah sekitar 2015 kerana memerlukan pendapatan lain bagi menampung perbelanjaan keluarga.

Menurutnya, bermodalkan RM400 mereka mampu mengeluarkan sebanyak 60 bekas rendang maman dan menjual

kepada saudara serta kenalan terdekat.

"Kini, kami berasa cukup bertuah apabila Rendang Maman Acu semakin mendapat tempat sehingga menjadi pilihan orang ramai bukan hanya untuk musim perayaan, bahkan ketika melancong ke luar negara.

"Malah, ada juga pelanggan kami yang membawa makanan ini ketika menyertai misi pendakian Gunung Fuji," ujarnya.

Menurutnya, bagi memenuhi permintaan pelanggan di luar negara, mereka menggunakan teknologi kantung retort agar nutrisi makanan dapat dikekalkan malah rasanya lebih enak dan berkualiti selain tahan lebih lama.

Katanya, sebelum ini mereka memasarkan rendang tersebut dengan menyertai pameran serta tapak jualan selain memasarkannya di empat buah pasar tani di sekitar Negeri Sembilan.

"Rendang Maman Acu menjadi antara 26 pengusaha makanan yang mewakili Malaysia sempena Malaysian Food Street Thailand dari 17 Jun hingga 1 Julai 2019.

"Tahun ini kami sepatutnya sekali lagi mewakili Malaysia di Singapura pula, namun disebabkan penularan Covid-19, program berkenaan dibatalkan," jelasnya.

Rosnah memberitahu, pada masa ini, strategi perniagaan ditukar kepada online dan jualan terus ke rumah.

"Tidak semua pandai memasak rendang maman ini kerana jika tersilap, rendang akan menjadi agak pahit. Saya sendiri menggunakan resepi serta petua warisan empat keturunan bagi mengekalkan rasa enak rendang maman ini," katanya.



16 AUG, 2020

## Jual 1,000 pek rendang maman

Kosmo Ahad, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

TAMPIN - Sepasang suami isteri yang menjalankan perniagaan Rendang Maman Acu tidak menyangka jualan produk makanan yang diusahakan sejak 2015 meningkat kepada 1,000 pek sebulan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac lalu. Zul Samsudin, 54, memberitahu, dia dan isterinya Rosnah Abdullah, 52, yang menjalankan perniagaan itu secara online turut terkejut apabila menerima tempahan daripada seluruh negara termasuk Singapura dan Brunei. Katanya, rendang maman seberat 250 gram dijual pada harga RM25 setiap satu.